

**USAHA MENERUSKAN KEUNIKAN WARISAN PEMBUATAN
KERIS DI PENGKALAN NANGKA, BESUT, TERENGGANU**

MOHAMMAD SYAZMIN BIN MOHD ZAMRI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

DENGAN KEPUJIAN

MALAYSIA

KELANTAN

2021



**USAHA MENERUSKAN KEUNIKAN WARISAN PEMBUATAN KERIS DI
PENGKALAN NANGKA, BESUT, TERENGGANU**

DISEDIAKAN OLEH:

MOHAMMAD SYAZMIN BIN MOHD ZAMRI

C18A0124

Laporan Projek Akhir ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

CERTIFICATION OF RESEARCH

I hereby certify that the work contained in this thesis is the result of original research and has never been submitted by a higher degree to any University or institution.



OPEN

I agree that the thesis is available as a hard copy or open access online (full text)



CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972)*



RESTRICTED

(Contains limited information set by the organization where the research is conducted)*


I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan has the following rights:

1. The thesis is the property of Universiti Malaysia Kelantan
2. Universiti Malaysia Kelantan's library has the right to make copies for study purposes only.
3. Libraries are allowed to make copies of this thesis as exchange material between educational institutions.


(Student's signature)

Date: 22.02.2022

Verified by:



(Supervisor's signature)

Name:
Date: 23.02.2022

TB. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA
Penyayang Kanan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

Note* If this Thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please enclose a letter from the organization stating the duration and reasons for confidentiality and restrictions.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana atas limpah dan kurnia-Nya, projek penyelidikan ini dapat disempurnakan pada masa yang telah ditetapkan walaupun terpaksa menghadapi era pasca Covid-19 yang merencatkan segala perancangan untuk menyiapkan kajian ini.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Ts, Dr. Mukhtaruddin bin Musa atas nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar serta sokongan sepanjang kajian ini dijalankan. Beliau juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan para pelajar yang berada di bawah seliaan beliau serta sering memberikan pandangan dan membetulkan kesalahan yang terdapat dalam kajian ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibubapa saya kerana menjadi sumber semangat serta memberi bantuan dari segi moral dan fizikal dalam saya menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan juga kepada adik-beradik saya yang sentiasa memberikan dorongan untuk saya meneruskan perlaksanaan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat saat saya menghadapi kesukaran dalam menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan yang terlibat sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan.

USAHA MENERUSKAN KEUNIKAN WARISAN PEMBUATAN KERIS DI PENGKALAN NANGKA, BESUT, TERENGGANU

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Usaha Meneruskan Keunikan Warisan Pembuatan Keris di Pengkalan Nangka, Besut, Terengganu”. Warisan pembuatan keris kini dilihat semakin berkurang kerana ramai pandai besi yang sudah meninggal dunia. Perkara ini amat membimbangkan kerana tidak ramai generasi muda yang menceburkan diri dalam meneruskan warisan ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui proses-proses pembuatan keris di Pengkalan Nangka, Besut yang dibuat oleh pandai besi yang bernama Mohd Rudi Bin Jusoh. Kajian ini juga menekankan mengenai punca generasi muda tidak berminat untuk meneruskan warisan pembuatan keris. Kaedah temubual dan pemerhatian telah digunakan untuk melengkapkan kajian ini. Melalui kaedah tersebut, data yang diperolehi akan dianalisis dengan lebih mendalam untuk menyelesaikan projek penyelidikan ini sehingga ke fasa yang terakhir. Pada akhir kajian ini, kedua-dua objektif akan dapat dirungkaikan dan diharap dapat membuka mata banyak pihak. Hal ini seterusnya dapat menghargai nilai warisan pembuatan keris yang berharga ini untuk tatapan generasi akan datang.

EFFORTS TO CONTINUE THE UNIQUENESS OF THE HERITAGE OF KERIS MAKING IN PENGKALAN NANGKA, BESUT, TERENGGANU

ABSTRACT

This research project is a study on “Efforts to Continue the Uniqueness of the Heritage of Keris Making in Pengkalan Nangka, Besut, Terengganu”. The legacy of dagger’s making is now seen to be declining as many blacksmith have passed away. This is very worrying because there are just a few young people are involved in continuing this legacy. The objective of this study is to find out the processes of making Keris in Pengkalan Nangka, Besut made by Mohd Rudi Bin Jusoh. This study also emphasizes on the factor of the younger generation not being interested to continue the legacy of dagger making. Interview and observation were used to complete this study. Through this method, the data obtained will be analyzed specifically to complete this research project up to the final phase. At the end of this study, both objectives will be dissected and hopefully can open the eyes of many parties. This in turn can appreciate the value of the heritage of making this valuable dagger for the gaze of future generations.

UNIVERSITI
MELAKA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	v
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Struktur Thesis	9
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Keris Merupakan Budaya Pusaka Melayu	11
2.3 Asal-Usul Keris di Tanah Melayu	12
2.4 Empu Keris	14

2.5 Keris Semenanjung	16
2.6 Falsafah Keris Melayu	18
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	20
3.2 Reka Bentuk Kajian	21
3.2.1 Kajian Terdahulu	23
3.2.2 Kaedah Pemerhatian	23
3.2.3 Kaedah Temubual	24
3.2.4 Catatan	24
3.2.5 Rakaman Foto	25
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	25
4.2 Proses pembuatan keris di Pengkalan Nangka, Besut	27
4.3 Punca mengapa generasi muda tidak berminat untuk Meneruskan warisan pembuatan keris	36
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	41
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	41
5.3 Rumusan	44
5.4 Cadangan	45
5.5 Kesimpulan	46
RUJUKAN	47

SENARAI JADUAL

NO	MUKA SURAT
3.0 Kaedah Menganalisis Data	23
4.1 Ringkasan Proses Pembuatan Keris Oleh Poksu Di	36
4.2 Peratus Bagi Kategori Jawapan Responden	37

SENARAI RAJAH

NO	MUKA SURAT
1.1 Terakol	1
1.2 Istantgar	2
1.3 Hulu Keris Jawa Demam	3
1.4 Bahagian Utama Keris	4
4.1 Proses Memotong Besi Tawar	29
4.2 Besi Tawar Disusun Bertingkat Untuk Dilekatkan	30
4.3 Proses Ikat Baja	31
4.4 Proses Penghasilan Puting Dengan Cara Mengetuk	32
4.5 Memastikan Lok dalam Keadaan Selari	32
4.6 Proses Membuat Sampir	34
4.7 Proses Membuat Batang Serunai	35

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia yang suatu ketika dahulu dikenali sebagai tanah Melayu melalui berbagai siri perang sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Apabila disebut mengenai peperangan, sudah menjadi sinonim ia dikaitkan dengan senjata yang digunakan untuk melawan pihak musuh. Beberapa jenis senjata telahpun dikenalpasti oleh para pengkaji yang digunakan oleh orang Melayu dalam peperangan tersebut termasuklah keris, tombak, istinggar dan terakol. Namun begitu, keris sentiasa menjadi antara senjata yang sentiasa menjadi tumpuan generasi muda sekarang. Hal ini kerana keunikan serta kepercayaan adat resam orang Melayu lama yang menyebabkan keris dianggap mempunyai suatu unsur mistik.



Rajah 1.1: Terakol

(Sumber: [http://susorgalor.blogspot.com/2011/01/isinggar-terakol-pemuras-senjata.html](http://susorgalor.blogspot.com/2011/01/istinggar-terakol-pemuras-senjata.html))



Rajah 1.2: Istinggar

(Sumber: <http://susorgalor.blogspot.com/2011/01/istinggar-terakol-pemuras-senjata.html>)

Keris bukan sahaja digunakan di tanah Melayu malah juga digunakan di negara-negara Austronesia yang lain seperti Indonesia, Singapura, Thailand selatan, Filipina selatan dan juga Brunei. Namun begitu, panggilan yang digunakan terhadap keris adalah berbeza mengikut negara. Antara fungsi utama keris adalah untuk mempertahankan diri dan digandingkan bersama seni mempertahankan diri seperti silat. Selain itu, keris juga digunakan oleh raja-raja Melayu sebagai alat kebesaran diraja dan ia dapat dilihat digunakan oleh kesemua raja-raja Melayu. Hal ini kerana keris dianggap salah satu lambang kedaulatan orang Melayu. Disebabkan keris mempunyai nilai sejarah yang tinggi, terdapat satu amalan dan kepercayaan orang Melayu yang mengatakan keris perlu dijaga dengan cara diperasapkan dan disapu dengan limau pada masa-masa tertentu untuk menjaga logam besi dan juga menambahkan lagi bisa pada keris tersebut.

Terdapat tiga bahagian yang ada pada setiap keris yang dihasilkan.

Bahagian yang pertama merupakan spegangan atau lebih dikenali sebagai hulu keris.

Pada setiap hulu keris akan diterapkan berbagai motif. Sebagai contoh, Hulu Jawa Demam merupakan hulu yang popular yang dipakaikan kepada keris Melayu Semenanjung. Terdapat variasi terhadap bahan yang digunakan untuk membuat hulu seperti gading gajah, tanduk, tulang dan kayu.



Rajah 1.3: Hulu Keris Jawa Demam

(Sumber: <http://permataadansenjata.blogspot.com/2013/01/hulu-jawa-demam.html>)

Bahagian kedua pada keris ialah mata keris. Mata keris bersifat tajam dikedua-dua belah dan menjadikan keris senjata tikam. Bilah matanya ditempa daripada sebatang besi atau campuran daripada beberapa jenis besi. Terdapat perbezaan pada mata keris iaitu mata bilah yang lurus dan berlok. Bilah mata keris selalunya akan disepuh untuk menguatkannya.

Sarung merupakan bahagian ketiga yang terdapat pada keris. Komponen ini penting dalam memastikan bilah keris tidak sentiasa terdedah untuk memastikan bilah lebih tahan lama dan tidak berkarat. Bukan itu sahaja, sarung keris pada suatu ketika dahulu mempunyai maksud yang tersirat. Sarung keris juga selalunya akan dihiasi dengan motif yang dipengaruhi oleh agama dan kepercayaan sesuatu masyarakat itu sendiri. Ia bukan sahaja diperbuat daripada kayu yang keras seperti kayu Cengal dan Berlian malah ada juga segelintir sarung keris yang diperbuat daripada gading gajah berdasarkan kelas sosial pemakainya. Pembuatan dan penempaan khususnya bilah keris dilakukan oleh Pandai Besi atau Empu dengan pelbagai cara, kaedah dan bahan pembuatannya.



Rajah 1.4: Bahagian Utama Keris

(Sumber:<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/11/98477/industri-pembuatan-sarung-keris-bangkit-di-era-moden>)

1.2 Latar belakang kajian

Kajian dan penyelidikan adalah berkisarkan industri pembuatan keris di Malaysia sekarang dilihat semakin berkurang dan kurang mendapat tempat di hati semua golongan walaupun ia merupakan satu warisan bangsa Melayu yang diwariskan sejak berkurun lamanya. Isu mengenai generasi muda mengenai kurangnya minat dalam mencebur industri pembuatan keris yang disebabkan oleh beberapa faktor. Jika dibiarkan perkara ini berlanjut, ia akan menjadikan industri dan pengetahuan generasi akan datang mengenai ilmu dan warisan tersebut.

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Bambang Harsrinuksmo, beliau menyatakan bahawa tukang keris yang berbeza akan menggunakan proses yang berbeza untuk menyiapkan sebilah keris. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan mengenai keistimewaan teknik dan proses pembuatan keris yang digunakan oleh seorang pandai besi yang bertapak di Pengkalan Nangka, Besut.

1.3 Permasalahan kajian

Jika dilihat dari segi populariti, keris amat dikenali ramai di dalam mahupun di luar negara. Namun begitu, tidak ramai yang berminat untuk mendalami ilmu pembuatan keris . Seni pembuatan keris saban hari dilihat semakin dilupakan dan tidak mustahil ia akan pupus dalam masa beberapa abad lagi. Tidak dapat dinafikan bahawa ramai pengumpul keris termasuklah anak muda tetapi jikalau tiada anak bangsa yang ingin belajar cara membuat keris, ia pasti pupus ditelan zaman.

- **Generasi muda tidak tertarik dalam meneruskan warisan pembuatan keris.**

Amat menyedihkan apabila anak muda dari bangsa Melayu itu sendiri tidak mempunyai minat dalam meneruskan warisan menghasilkan keris. Isu ini terjadi adalah disebabkan peredaran zaman yang berlaku dengan sangat pantas hingga menyebabkan segelintir generasi muda yang wujud sekarang terlepas pandang mengenai warisan ini. Amat menyedihkan lagi apabila generasi muda merupakan harapan negara dan amat diharapkan dapat mengangkat warisan keris di negara ini.

- **Proses-proses dalam pembuatan keris yang digunakan oleh tukang pandai besi di Pengkalan Nangka, Besut.**

Proses yang digunakan oleh setiap pandai besi adalah berbeza mengikut keselesaan dan amalan masing-masing. Walaupun terdapat beberapa perbezaan dalam menghasilkan dan menyiapkan sebilah keris, kualiti produk akhir yang terdapat pada keris tidaklah berbeza jauh kerana bahan serta kepakaran yang digunakan oleh tukang pandai besi adalah hampir serupa.

1.4 Persoalan kajian

Dalam menjayakan kajian ini, beberapa persoalan telahpun digunakan untuk memudahkan kajian dilakukan. Antara persoalan kajian ialah,

1. Apakah proses-proses yang digunakan oleh tukang pandai besi di Pengkalan Nangka dalam usaha untuk menyiapkan sebilah keris.

2. Bagaimanakah cara untuk menarik minat generasi muda untuk mendalami dan mempelajari ilmu warisan pembuatan keris.

1.5 Objektif kajian

Dalam menghasilkan kajian yang tepat dan dapat menjawab persoalan yang dikemukakan, beberapa objektif kajian telahpun ditetapkan. Ia bertujuan untuk memperincikan lagi hasil dapatan daripada kajian. Antara objektif yang telah ditetapkan ialah:

1. Mengenalpasti proses-proses dalam pembuatan keris yang digunakan oleh tukang pandai besi di Pengkalan Nangka, Besut.
2. Untuk mengenalpasti faktor generasi muda tidak tertarik dalam meneruskan warisan pembuatan keris.

1.6 Skop kajian

Pengkaji bercadang untuk menemui pembuat keris yang berada di Pengkalan Nangka, Besut, Terengganu. Hal ini kerana, beliau merupakan seorang pembuat keris yang terkenal di negeri Terengganu. Ramai pelanggan yang menempah keris dari beliau menyatakan kepuasan hati dengan hasil akhir yang mereka dapat. Skop kajian adalah untuk mengkaji tentang isu yang menyebabkan generasi muda tidak menunjukkan minat dalam seni pembuatan keris. Bukan itu sahaja, kajian ini memfokuskan tentang cara dan proses yang diwariskan oleh generasi terdahulu dalam menghasilkan sebilah keris yang baik dan berkualiti.

Dalam pada itu, pada bab ini juga pengkaji akan menerangkan mengenai faktor generasi muda tidak berminat untuk meneruskan pembuatan keris. Seperti sedia maklum, keris merupakan warisan yang telah lama bertapak di tanah Melayu. Oleh itu, jika hal ini dibiarkan berlaku, tidak mustahil untuk mengatakan bahawa suatu hari nanti Malaysia akan semakin ketandusan pandai besi.

Bab ini juga akan menerangkan mengenai proses-proses yang digunakan oleh pandai besi yang bertapak di Pengkalan Nangka, Besut. Disebabkan oleh proses yang digunakan oleh setiap pandai besi adalah bebeza, pengkaji ingin mengkaji tentang kelainan proses di Pengkalan Nangka.

Kesimpulannya, pengkaji melihat peredaran serta pembangunan yang pesat telah menyebabkan populariti dalam warisan pembuatan keris semakin berkurang. Warisan ini perlu dijaga dan diangkat oleh anak muda untuk dijadikan tatapan generasi yang akan datang.

1.7 Kepentingan kajian

- **Untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang proses-proses membuat keris yang diwariskan menggunakan cara tradisional.**

Dalam menghasilkan sebilah keris, banyak proses yang digunakan. Kesan daripada perkembangan teknologi, pembuatan keris juga tidak lari daripada terkena tempias. Banyak alat moden digunakan dalam menghasilkan sebilah kersi. Penggunaan teknologi moden menyebabkan nilai warisan yang wujud bersama sebilah keris yang dihasilkan sedikit merosot.

- Untuk memperkenalkan dan menarik minat generasi muda mengenai seni pembuatan keris.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menarik minat dan memberikan pengetahuan yang lebih kepada generasi muda. Anak muda merupakan harapan negara dalam semua aspek. Besar kemungkinan jika mereka didedahkan lagi mengenai warisan ini, akan muncul keinginan untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam.

1.8 Struktur Laporan Penyelidikan

Keris merupakan salah satu warisan nusantara yang amat bernilai dari aspek warisannya. Ia juga merupakan lambang bangsa Melayu yang berdaulat satu ketika dahulu. Warisan serta nilai sejarah keris perlu diangkat dan dipromosikan sehingga ke tahap yang tertinggi. Pihak berwajib perlu berganding bahu dalam mengangkat warisan ini supaya tidak lapuk ditelan zaman. Jika usaha ini tidak dilakukan dengan segera dan efektif, tidak mustahil sekiranya warisan ini akan terkubur sepertimana senjata-senjata Melayu yang lain.

Pada bab 1, pengkaji menceritakan tentang pengenalan terhadap keris serta bahagian-bahagian yang terdapat pada keris. Selain itu, pada bahagian ini juga pengkaji menceritakan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan juga kepentingan kajian.

Dalam bab 2 pula, pengkaji mengambil kajian-kajian lepas untuk dijadikan panduan dalam meneruskan projek penyelidikan ini. Pada bahagian metodologi kajian, pengkaji menerangkan mengenai kaedah yang digunakan dalam melengkapkan kajian ini. Antara kaedah yang digunakan termasuklah kaedah pemerhatian, temubual, catatan dan rakaman foto.

Dalam bab 4, pengkaji menerangkan, menghuraikan dan menyatakan segala maklumat yang diperolehi mengenai kajian yang dijalankan. Analisis terhadap dapatan kajian dilakukan untuk pengkaji menghuraikan serta menjawab objektif yang telah dikemukakan. Pada bab terakhir iaitu bab 5, pengkaji telah memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai kajian yang dijalankan. Pengkaji juga telah merumuskan dan membuat kesimpulan mengenai dapatan hasil daripada analisis objektif kajian.

UNIVERSITI
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian lepas merupakan pernyataan fakta yang digunakan untuk menyokong sesuatu objektif. Ia juga bertujuan untuk menyingkap kajian-kajian lepas berkenaan sesuatu tajuk kajian untuk dijadikan asas dan panduan dalam kajian yang dijalankan. Sorotan kajian lepas selalunya berdasarkan artikel, buku, jurnal, makalah, thesis dan surat khabar. Selain daripada daripada bahan bercetak, sumber sorotan kajian lepas juga dapat diperolehi melalui media elektronik seperti laman sesawang. Beberapa sorotan kajian lepas telah dilakukan dalam menjalankan kajian ini.

2.2 Keris Merupakan Budaya Pusaka Melayu

Menurut Makmur Haji Harun dan Mohd Kasturi Nor Bin Abd Aziz (2018), mereka menghuraikan bahawa wujudnya keris adalah satu karya seni hebat yang dianggap pusaka bangsa Melayu di Nusantara dengan memiliki pelbagai ciri tersendiri sebagai kreativiti dari pembuatnya. Ia juga merupakan senjata pembela diri kepada pemiliknya dan keris menjadi signifikan dalam sejarah dalam perjuangan bangsa Melayu menentang penjajah dari masa ke semasa. Bukan itu sahaja, keris juga merupakan lambang maruah, kedaulatan, kekuasaan, kehormatan,

harga diri dan sebagainya. Nilai keris akan lebih tinggi apabila ia dimasukkan kreativiti seni dan ukiran di dalamnya. Bukan sekadar senjata, hiasan karya indah yang terdapat pada keris juga memberi ciri tersendiri bagi mencantikkan corak, bentuk, warna dan bahannya.

Dalam satu artikel yang ditulis oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2018), beliau menyatakan bahawa warisan budaya tidak ketara yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian lebih banyak berkatian dengan adat resam dan pantang larang dalam pelbagai etnik di Malaysia. Skop terhadap definisi warisan budaya tidak ketara perlu diperluaskan lagi kerana untuk menambahkan lagi nilai estetika budaya yang ada di Malaysia. Selain daripada itu, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah diwujudkan untuk melindungi segala jenis warisan sama ada warisan budaya ketara maupun tidak ketara. Ini merupakan salah satu daripada usaha kerajaan untuk memulihara warisan yang wujud di Malaysia. Walaubagaimanapun, kelemahan yang terdapat pada Seksyen 67 (5) menyatakan mengenai warisan tidak ketara memerlukan memperoleh persetujuan dengan hak cipta terpelihara sebelum diisyiharkan sebagai Warisan Kebangsaan. Dalam peruntukan itu jelas menerangkan keperluan tanda setuju atau izin untuk didaftar seperti berikut, Jika pengisytiharan di bawah subseksyen (1) melibatkan suatu warisan kebudayaan tidak ketara dan hak cipta masih wujud dalam apa-apa kerja, keizinan pemunya hak cipta itu hendaklah diperoleh sebelum apa-apa pengisytiharan dibuat.

2.3 Asal-Usul Keris di Tanah Melayu

Terdapat banyak teori yang cuba menjelaskan asal-usul penggunaan keris terutamanya di tanah Melayu dan Nusantara seperti yang dinyatakan oleh Abdul

Mua'ti @ Zamri Ahmad (2015). Kedua-dua belah mata keris adalah tajam. Ciri inilah yang membezakan keris dengan senjata lain seperti pedang dan parang. Tiada catatan yang tepat mengenai sejarah awal keris yang dicipta di tanah Melayu. Namun begitu, terdapat hujah yang menjadi dasar kepada setiap kajian yang dilakukan oleh para pengkaji iaitu keris mula bertapak di tanah Melayu dipercayai bermula ketika kerajaan Majapahit iaitu pada awal abad ke-13 hingga abad ke-15.

Kerajaan Majapahit merupakan kerajaan Hindu-Buddha yang besar di Nusantara Melayu pada ketika itu. Terdapat ukiran yang memaparkan figura memegang sejenis senjata seperti keris pada dinding-dinding candi yang dibina semasa pemerintahan kerajaan tersebut. Disebabkan itu, para pengkaji membuat kesimpulan bahawa pada era tersebutlah bermulanya orang Melayu mengenal dan mula menghasilkan senjata keris.

Berdasarkan artikel yang ditulis oleh Shuhairimi Abdullah (2018), beliau menjelaskan bahawa keris secara umumnya merupakan sebahagian daripada peralatan senjata utama orang Melayu yang dipraktikkan dalam seni persilatan orang Melayu. Oleh kerana keris mempunyai nilai yang begitu tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu, ia dianggap sebagai pelengkap bagi busana baju Melayu. Selain itu, sebilah keris juga melambangkan sebuah tanda persahabatan, status, hagemoni dan pada masa yang sama keris juga melambangkan nilai serta estetika budaya. Keris dan masyarakat Melayu tradisional dianggap sebagai dua unsur yang sangat rapat.

Sebagai contoh, seorang lelaki Melayu yang tidak memakai keris diumpamakan sebagai tidak berpakaian secara sempurna. Tingginya budi bahasa

dan martabat seseorang terletak pada keindahan pakaian dan kerisnya. Namun pada hakikatnya, keris bukanlah semata-mata sebilah senjata tetapi ia merupakan sebuah cerminan daripada citra pemakaian, nilai dan falsafah kebudayaan yang tinggi bagi masyarakat Melayu. Bukan itu sahaja, keunikian keris juga terletak pada proses pembuatannya yang memerlukan waktu yang lama, ketekunan dan kepakaran yang tinggi. Pengkaji dan peminat seni beranggapan bahawa keris merupakan sebahagian daripada intelelegensi kejuruteraan spiritual Melayu.

2.4 Empu Keris

Masyarakat Melayu menempa keris dengan pelbagai falsafahnya yang tersendiri. Pembuat keris umumnya dipanggil dengan istihab ‘empu’ atau ‘pandai besi’ menurut Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi, Nik Badul Rahman, Abdul Latif Samian dan Zuliskandar Ramli (2013). Tambah mereka lagi, orang akan mendapat gelaran Eempu apabila ia memiliki kepandaian, kesaktian atau kemampuan batin yang lebih daripada orang lain.

Gelaran Eempu dalam dunia perkerisan diberikan kepada orang yang bertanggungjawab secara langsung dan menyeluruh dalam pembuatan bilah keris, merekayasa pola pamor, mengerjakan dhapur (bentuk), menggarap keindahan ricikan (bahagian bilah keris) dan termasuk urusan sesajinya. Mereka mengatakan bahawa terdapat kepakaran tertentu yang dimiliki oleh Eempu dalam proses menghasilkan sebilah keris. Menerusi kajian beliau, seorang Eempu merupakan ahli dalam bidang agama dan spiritual, ahli bidang senjata, ahli psikologi, ahli anatomi, ahli bidang sastera dan politik dan ahli bidang seni. Sebagai ahli bidang agama dan spiritual, seorang Eempu dianggap seorang yang suci serta mampu memahami hal

ghaib dan memiliki kemampuan untuk mengetuai sebarang upacara ritual dan keagamaan.

Pandai besi dikatakan mempunyai kebolehan untuk mengadaptasikan unsur daripada alam semulajadi sebagai sumber ilham dalam penghasilan sebilah keris. Logik daripada cara ini dilakukan adalah kerana ia dihubungkan dengan dengan unsur penciptaan manusia iaitu api, angin, tanah dan air. Bahan utama dalam pembuatan keris ialah besi atau nikel yang diambil daripada tanah yang kemudiannya diadun bersama api dan air semasa proses pembuatannya. Kebiasaannya, bahan batu meteor dicampur dalam pembuatan keris bagi menghasilkan corak dan pola pamor yang indah pada bahagian bilah keris. Menurut kajian beliau lagi, penggunaan bahan meteor yang jatuh daripada langit dikatakan mempunyai kekuatan mistik serta kesaktian. Semasa proses menempa bilah keris, Empu lazimnya akan membaca mantera atau doa sebelum, semasa dan selepas penempaan keris diiringi dengan pelbagai ritual. Simboliknya, proses ini bertujuan untuk memasukkan ‘semangat’ atau ‘roh’ dalam bilah keris yang dihasilkan. Hal ini dikatakan dalam meningkatkan lagi kesaktian keris yang dihasilkan.

Setelah bahan utama dikumpulkan, ia dicampur dan diadunkan bersama semasa tempaan dan ia dilakukan berulang kali. Setelah bilah siap ditempa, ia akan ‘disepuh’ dengan air yang diambil di sekurang-kurang tiga kuala sungai. Apabila proses ‘sepuh’ selesai, bilah keris tadi akan ditapakan selama 44 hari di puncak tertinggi yang ada pada daerah atau kawasan tersebut. Proses inilah yang meningkatkan lagi nilai mistik yang wujud bersama keris yang dihasilkan oleh seseorang Empu.

2.5 Keris Semenanjung

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2015), menulis secara ringkas mengenai sejarah keris Melayu. Penghasilannya serta rupa tampaknya adalah berlainan di antara setiap wilayah didiami oleh orang Melayu di Nusantara. Benda yang berbeza termasuklah bilah, hulu dan sarung keris yang dihasilkan. Walaupun setiap wilayah memberikan nama dan gelaran yang berbeza namun objek yang dimaksudkan adalah sama iaitu keris. Hal ini selari dengan falsafah Melayu iaitu sama dalam berbeza, serumpun walau tidak sedahan.

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2015) juga mengupas mengenai nilai estetika yang wujud pada keris Melayu Semenanjung. Menurut beliau, milai sejarah dan estetik keris Melayu menjadikan ia mempunyai keistimewaan tersendiri pada setiap bahagian yang ada padanya. Disebabkan itu, keris Melayu dipuja kerana keindahan dan kesenian yang wujud pada hulunya, pendokoknya, matanya dan sarungnya. Nilai estetik terhadap jenis keris Melayu Semenanjung dihuraikan dengan pembuktian terdapatnya sepuluh jenis rupa bentuk dan ciri-ciri yang tersendiri. Dua belas rupa bentuk keris itu merupakan Keris Panjang, Keris Anak Alang, Keris Pandai Saras, Keris Bugis Semenanjung, Keris Melela, Keris Semenanjung, Keris Beko atau Beka, Keris Tajung, Keris Choteng, Keris Debek dan Keris Charita. Dua belas jenis rupa bentuk keris ini telah dihuraikan dalam buku keris Melayu Semenanjung secara terperinci. Keris panjang dikenali sebagai keris Alang, Keris Hukum atau Penyalang atau Keris Kuasa. Mata bilah keris ini adalah berbentuk lurus. Namun ada juga yang berlok. Jika lurus, keris ini berlok

banyak dan boleh melebihi 20 lok. Keris ini bukan digunakan dalam pertempuran kerana bilahnya yang panjang dan sukar digunakan dalam pertempuran.

Manakala, sampirnya bercirikan bulan sabit. Keris ini berfungsi sebagai Keris Hukum atau Keris Kuasa yang digunakan untuk menjatuhi hukuman kepada penjenayah dan menderhakai kepada Sultan kerana bilah keris yang panjang ini boleh menembusi jantung si pesalah dan menamatkan riwayat dengan segera. Oleh sebab keris ini adalah lambang kuasa dan autoriti maka sarungnya diperbuat daripada bahan-bahan mewah seperti gading gajah, perak, atau emas. Kini, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan mempunyai keris panjang Diraja yang diangkat sebagai salah satu alat kebesaran Diraja. Keris Anak Alang Keris ini bersifat lurus dan pendek berbanding keris panjang.

Lazimnya, keris ini digunakan untuk menjatuhi hukuman atau dikenali sebagai keris kuasa, bukan untuk bertarung. Keris anak alang ini ditempa daripada besi sebatang yang menggunakan campuran besi pamor, maka yang terhasil daripada bilah mata adalah pamor seperti pamor bulu rusa atau pamor miang buluh. Walau bagaimanapun, keris anak alang ini dikenali sebagai keris Alang Bahari di tanah Minang. Hal ini merujuk kepada bilah matanya yang lurus. Menurut penulis, variasi dalam nama keris ini adalah kerana perbezaan dialek pantai timur Semenanjung Malaysia. Nama keris ini diberi berdasarkan nama seorang empu yang berasal dari Jawa dan berpindah ke Patani. Beliau telah menghasilkan bilah-bilah keris yang bermutu dan dinamakan bilah pandai saras.

2.6 Falsafah Keris Melayu

Khamis Mohammad, Nik Hassan Shuhaimi dan Abdul Latif Samian (2013) menyimpulkan bahawa dalam adab permainan keris, pendekar Melayu mempunyai falsafah yang berbeza dari pedekar Jawa. Selepas keris dikeluarkan, keris itu dibawa ke hadapan dan dikucup seraya menyatakan ‘ini milikku dan hakku’ oleh pendekar Jawa. Setelah keris dikucup, pendekar Jawa akan meletakkan keris tersebut dipangkal ulu hatinya bagi mendapatkan resepan mistik atau makhluk halus ke dalam tubuhnya. Manakala pendekar Melayu pula mengatakan ‘ini Keris. Keris digenggamanku’. Bagi pendekar Melayu, selepas keris dikucup dan dibawa kehadapan, melafazkan kata ‘semua ini milik Allah’. Justeru, pendekar biasanya berfalsafah dengan madah yang dinamakan ‘Langkah Hulubalang’.

Bukan itu sahaja, terdapat juga perbezaan lain antara pendekar dua wilayah yang berlainan termasuklah dalam gaya dan pemakaian keris. Pendekar Melayu amnya akan mensisipkan keris di bahagian hadapan badan. Hal ini bertujuan untuk menakutkan pihak musuh yang beranggapan mereka sentiasa bersedia untuk bertempur manakala pendekar Jawa pula mensisipkan keris di bahagian belakang badan dan sentiasa bersedia untuk mengeluarkannya dan juga bertujuan untuk mengelirukan pihak lawan.

Selain itu, menurut Khamis Mohamad (2015), dalam pembuatan keris, bilang lok membawa maksud dan simbol yang tersendiri. Keris 3 lok ditempa khusus kepada panglima dan pendekar, keris 5 lok pula membawa ciri kepetahan si pemiliknya, keris 7 lok melambangkan kewibawaan dan karisma dalam pemerintahan, keris 9 lok mencerminkan kebijaksanaan dan kepimpinan, keris 11

lok menunjukan pemiliknya mempunyai cita-cita tinggi dalam kemajuan ekonomi dan sosial dan akhir sekali keris 13 lok menjuruskan pemiliknya berani mati dan sanggup mempertahankan apa sahaja miliknya daripada dirampas.

Semasa penempaan keris dibuat, setiap pandai keris atau Empu mempunyai falsafah dalam menampilkan busana pakaianya. Contohnya, jika menempa keris DiRaja, mereka memakai pakaian serba kuning. Bagi tempaan keris untuk panglima atau pendekar, pakaian serba hitam dan berbengkung merah digayakan dan bagi orang atau rakyat biasa, cukup sekadar mereka berpakaian biasa sahaja.

Dari kaedah pembuatan, bilah keris dicipta dengan falsafah untuk mudah diubahsuaikan oleh si pemakai. Bagi si pemakai, hulu keris boleh digenggam sama ada menggunakan tangan kanan atau kiri. Caranya ialah dengan meletakkan ibu jari si pemakai pada dapur keris. Oleh itu, keris dicipta dengan berfalsafahkan kepada konsep '*flexibility*', di mana bilah keris boleh dipusingkan ke kiri atau ke kanan dengan mudah mengikut keperluan. Hulu keris juga boleh dicabut dan bilah keris ditukarkan fungsinya kepada mata tombak atau lembing.

Menurut Khamis Mohamad (2015) lagi, di kalangan pengamal ilmu kebatinan yang berkaitan dengan silat dan kependekaran, kebiasaannya keris mereka ditempakan dengan logam emas atau besi kuning. Falsafahnya, apabila bilah keris ditempa dengan emas atau besi kuning, keris itu mempunyai kekuahan dan keutuhan fizikal, di samping keampuhan magisnya. Justeru, apabila keris ditusukkan kepada lawan yang berilmu kebal dan tidak lut ditikam dengan senjata tajam, keris pasti membunuh.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Metodologi dapat ditakrifkan sebagai analisis teoritis mengenai kaedah yang sesuai untuk bidang pengajian atau kandungan kaedah dan prinsip tertentu kepada cabang pengetahuan. Ia juga merupakan sistem kaedah dan prinsip yang digunakan dalam disiplin tertentu. Metodologi penyelidikan merupakan teknik khusus yang digunakan dalam proses penyelidikan bertujuan untuk mengumpulkan, mengorganisasi dan menilai data. Ia merujuk kepada alat-alat yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang relevan dalam sesuatu kajian. Antara kaedah yang digunakan termasuklah survei, wawancara dan soal selidik. Terdapat banyak fungsi metodologi penyelidikan antaranya ialah mengenalpasti penyelidikan, menentukan dan mentakrifkan konsep sebenar dan menerangkan jenis kaedah yang diperlukan untuk meneruskan kajian dengan lebih mendalam dan teperinci.

Terdapat dua jenis kaedah kajian iaitu kajian kuantitatif dan kaedah kualitatif. Kaedah kuantitatif melibatkan angka, data numerikal dan statistik yang melibatkan pengiraan seperti mod, median, min, peratusan dan sisihan piawai. Kaedah kualitatif pula adalah lebih berstruktur, mempunyai darjah kekaburan yang minima, makna yang jelas, bercorak linear dan mempunyai penjadualan yang jelas.

Namun begitu, dalam usaha untuk melengkapkan kajian yang dijalankan, pengkaji akan menggunakan kaedah hibrid iaitu dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah hibrid dilihat sebagai platform yang paling sesuai untuk mendapatkan data bagi melengkapkan kajian yang dilakukan.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merupakan kaedah untuk mendapat jawapan terhadap persoalan-persoalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Bukan itu sahaja, ia juga merupakan salah satu metod dalam mencapai dan menyelesaikan objektif yang telahpun dibangunkan. Dalam usaha untuk menyelesaikan objektif yang dibangunkan, pengkaji telah menjalan kaedah pengumpulan data yang melibatkan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer atau sumber utama merupakan bahan yang belum dicetak dan diolah atau bahan yang masih dalam keadaan asal seperti bentuk kertas dan keterangan lisan. Sumber-sumber tersebut adalah asli dan belum ditafsir. Ia selalunya dihasilkan pada masa yang sama atau hampir sama dengan maklumat yang dicatatkan oleh pihak yang berwibawa.

Sumber sekunder atau sumber kedua pula terdiri baripada bahan atau dokumen yang dikaji melalui pembacaan bahan bertulis maklumat yang telah dicatatkan di tempat lain. Ia merangkumi majalah, jurnal, ensiklopedia, akhbar, risalah, laporan tahunan jabatan dan blog. Sumber kedua melibatkan analisis,

sintesis dan tafsiran atau penilaian maklumat asal. Sumber sekunder merupakan sumber yang sudah diolah dan dicetak.

Bagi kajian kuantitatif pula, pengkaji akan menjalankan soalan selidik terhadap beberapa responden. Pengkaji akan menyediakan soalan-soalan yang berkaitan minat generasi muda untuk meneruskan warisan pembuatan keris dan soalan-soalan ini akan ditanya kepada beberapa orang responden yang mempunyai pelbagai jenis latarbelakang.

Pengkaji telah mendapat surat kebenaran daripada pihak fakulti untuk menjalankan kajian lapangan bagi proses pengumpulan data. Penggunaan surat tersebut amat penting untuk meyakinkan responden supaya memberikan kerjasama yang penuh kepada pengkaji sepanjang proses pengumpulan maklumat dan data dijalankan. Bukan itu sahaja, responden juga telah dimaklumkan secara lisan oleh pengkaji untuk mendapatkan persetujuan dan keizinan daripada beliau sebelum temubual dan rakaman foto dijalankan.

Jadual 3.0: kaedah analisis data

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Apakah proses-proses yang digunakan oleh Encik Mohd Rudi Bin Jusoh dalam menghasilkan sebilah keris	Pemerhatian dan Temubual
2. Bagaimanakah cara untuk menarik minat generasi muda untuk mendalamai dan mempelajari ilmu warisan pembuatan keris.	Temubual

3.2.1 Kajian terdahulu

Dalam melengkapkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah melakukan kajian terhadap kajian-kajian yang terdahulu mengenai keris. Kajian terdahulu amat penting untuk dijadikan rujukan dan panduan dalam menyiapkan kajian ini. Ia juga bertujuan untuk menambahkan lagi maklumat sebelum kajian lanjut dijalankan.

3.2.2 Kaedah pemerhatian

Dalam menjalankan kaedah kajian lapangan, pengkaji telah pergi ke kediaman tukang keris di Pengkalan Nangka, Besut, Terengganu. Kaedah ini bertujuan untuk memudahkan lagi kefahaman pengkaji mengenai topik yang dikaji. Semasa di kawasan kajian, pengkaji telah merekod setiap maklumat yang diperolehi melalui gambar, rakaman dan catatan yang

disampaikan oleh responden. Setiap maklumat akan dimasukkan ke dalam laporan projek penyelidikan. Tujuan kajian lapangan dilakukan adalah supaya pengkaji mendapat maklumat yang tepat dan sahih melalui pembuat keris itu sendiri supaya kajian yang dijalankan jitu.

3.2.3 Kaedah temubual

Kaedah temubual merupakan kaedah lisan yang sangat penting. Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang cukup untuk melengkapkan objektif kajian melalui responden. Temubual secara langsung terhadap Encik Mohd Rudi bin Jusoh akan dilakukan. Beliau merupakan seorang tukang pandai besi yang menghasilkan keris di Pengkalan Nangka, Besut, Terengganu. Temubual yang dijalankan adalah untuk mengetahui fakta dan pengetahuan responden mengenai warisan keris yang diusahakan oleh beliau.

Pengkaji juga akan menjalankan kaedah temubual terhadap beberapa orang responden yang berasal dari kategori yang berlainan seperti orang awam, pengunjung muzium dan pembuat keris itu sendiri. Ia bertujuan untuk memastikan jawapan yang diperolehi tidak hanya daripada satu perspektif pemikiran sahaja.

3.2.4 Catatan

Setiap maklumat yang diperoleh daripada responden melalui kaedah temubual dan pemerhatian akan dicatatkan didalam buku nota. Melalui kaedah ini, maklumat yang diperoleh akan lebih mudah untuk ditafsirkan

dan ditafsirkan. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mendokumentasikan dan menganalisis data dengan lebih mudah dan tersusun tanpa perlu mencari maklumat di tempat lain. Ia juga membantu pengkaji untuk menyimpan maklumat yang diperoleh secara langsung.

3.2.5 Rakaman foto

Kaedah rakaman foto adalah kaedah yang sangat sesuai ketika melakukan kerja lapangan. Rakaman foto dapat membantu memudahkan pengkaji menyimpan maklumat yang berkaitan dengan langkah-langkah dalam menghasilkan sebilah keris secara warisan. Ia juga dapat membantu memudahkan kefahaman pembaca dalam mengetahui langkah-langkah yang dijalankan secara terperinci dengan bantuan gambar yang diambil.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan, menghuraikan dan akan menyatakan segala maklumat yang telah diperolehi mengenai kajian yang dilakukan. Segala data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Bahagian ini merupakan bahagian yang terpenting dalam penulisan kajian ini. Hal ini kerana, pada bahagian dapatan kajian ini, pengkaji akan menerangkan serta menjawab persoalan kajian dan juga objektif kajian yang telah dinyatakan. Dapatan kajian ini merangkumi dua objektif utama iaitu mengenalpasti proses-proses yang digunakan dalam penghasilan keris di Pengkalan Nangka, Besut, Terengganu serta untuk mengetahui faktor generasi muda tidak tertarik untuk meneruskan seni pembuatan keris pada masa kini. Bagi mencapai objektif pertama yang dikemukakan, pengkaji telah menemui seorang pembuat keris yang bertapak di Besut, Terengganu. Untuk objektif kedua pula, pengkaji telah melakukan temubual terhadap beberapa orang responden yang terdiri daripada pelbagai kategori umur dan karier untuk melihat dari perspektif berlainan untuk menghuraikan mengenai faktor tersebut.

Melalui temubual yang telah dijalankan bersama pandai besi iaitu Encik Rudi bin Jusoh atau dikenali dengan nama Poksu Di oleh masyarakat setempat,

pelbagai maklumat telah diperolehi dan ia sangat membantu untuk melengkapkan objektif pertama dalam penulisan kajian ini.

4.2 Proses-proses yang dalam pembuatan keris yang digunakan oleh Encik Mohd Rudi Bin Jusoh.

Dalam menjelaskan objektif pertama yang dikaji iaitu untuk mengenalpasti proses-proses yang digunakan dalam penghasilan keris Pengkalan Nangka, Besut, Terengganu yang dihasilkan oleh seorang tukang pandai besi yang bernama Mohd Rudi Bin Jusoh. Pengkaji telah pergi ke lokasi tempat dimana beliau melakukan pekerjaannya. Temubual telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam usaha untuk mencapai objektif pertama.


4.2.1 Rekabentuk keris

Menurut Poksu Di, apabila pelanggan datang kerumahnya untuk menempah keris buatannya, perkara pertama yang akan dilakukan oleh beliau ialah mengenalpasti jenis keris yang ingin ditempah oleh mereka. Menurut beliau, antara keris yang popular dan mendapat permintaan yang tinggi daripada pelanggan adalah Keris Bugis, Keris Melela dan Keris Saras. Perkara ini amat penting supaya Poksu Di dapat memberikan nasihat serta cadangan beliau mengenai jenis besi yang sesuai untuk menghasilkan sebilah keris. Menurut beliau, jika pelanggan datang untuk menempah Keris Bugis, beliau akan memberikan cadangan untuk membuat mata keris yang mempunyai corak pamor.

Setelah selesai berbincang mengenai mata keris, beliau akan menerangkan mengenai jenis kayu yang akan digunakan untuk membuat hulu dan sarung keris. Hasil daripada temubual yang dijalankan, beliau memberitahu bahawa hanya dua jenis kayu yang digunakannya untuk membuat hulu dan sarung keris iaitu Kayu Kemuning Kuning dan Kayu Sena. Tujuan dua jenis kayu tersebut dipilih adalah kerana ia mempunyai khasiat yang tersendiri yang hadir bersama kayu tersebut.

4.2.2 Mata keris

Mata keris merupakan komponen atau bahagian terpenting pada sebilah mata keris yang dihasilkan. Proses pertama yang dilakukan oleh Poksu Di dalam menghasilkan mata keris ialah dengan memilih jenis besi yang bersesuaian. Sebagai contoh, untuk menghasilkan mata keris berpamor, besi tawar yakni besi yang kurang bahan karbon dan lebih lembut akan digandingkan dengan besi baja yang bersifat keras untuk menghasilkan corak pamor. Contoh besi tawar yang digunakan oleh Poksu Di ialah besi daripada bingkai katil dan batang payung manakala besi baja pula merupakan besi konkrit yang biasanya digunakan untuk membuat bangunan. Besi tawar terlebih dahulu akan dipanaskan dan dipotong kepada beberapa keping.



Rajah 4.1: Proses Memotong Besi Tawar

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Potongan tersebut akan disusun secara bertingkat dan dikepit menggunakan pengepit besi dan dipanaskan sehingga besi tersebut merah menyala dan bersedia untuk diketuk menggunakan penukul yang bertujuan untuk melekatkan besi tersebut. Seterusnya, besi ikatan besi tawar tersebut akan dicelup kedalam sebatian air dan tanah dan akan dipanaskan semula. Ikatan tersebut akan diketuk sehingga betul-betul bercantum dan membentuk satu keping besi sahaja dan dilipat menjadi seperti huruf U.



Rajah 4.2: Besi Tawar Disusun Bertingkat untuk Dilekatkan

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Setelah itu, beliau akan memanaskan besi baja dan memotong mengikut kesesuaian panjang keris yang akan dihasilkan. Besi baja yang telah dipotong akan diletakkan di tengah ikatan besi tawar yang telah dibuat bentuk U. Proses ini dikenali sebagai ikat baja dimana besi tawar dan besi baja dipanaskan bersama-sama dan ditempa sehingga bercantum menjadi satu besi. Seterusnya barulah beliau akan memanaskan besi tersebut dan memulakan proses melipat besi dan menempa. Ketika menempa, Poksu Di menggunakan bantuan mesin kerana beliau menempa keris seorang diri. Penggunaan mesin ini juga bertujuan untuk mempercepatkan proses menempa. Untuk menjimatkan masa juga, beliau hanya melipat besi tersebut sebanyak satu kali. Menurut beliau, proses melipat besi boleh dilakukan sehingga beratus kali.



Rajah 4.3: Proses Ikat Baja

(Sumber: Rakaman di kajian lapangan)

Mata keris yang telah dilipat akan dipanaskan semula dan ditempa menggunakan penukul bagi menampakkan bentuk dan panjang yang diperlukan. Besi akan dipanaskan dan ditempa sekali lagi untuk menghasilkan Puting. Proses seterusnya ialah menghasilkan luk. Mata keris akan dipanaskan dan dipegang menggunakan pengepit besi pada bahagian puting. Mata keris diletakkan pada tepi bongkah pelapik besi. Poksu Di akan mengetuk bahagian mata keris bermula dari hulu mata untuk menghasilkan luk. Jumlah luk akan dibuat mengikut permintaan pelanggan. Luk juga akan diketuk pada permukaan rata supaya kedudukannya dari hulu ke hilir mata adalah lurus.



Rajah 4.4: Proses menghasilkan Puting dengan cara mengetuk

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)



Rajah 4.5: Memastikan lok dalam keadaan selari

(Sumber: rakaman foto di kajian lapangan)

Ganja akan dihasilkan menggunakan besi yang berasingan. Bongkah besi terlebih dahulu dilukis. Kemudian ia dipotong mengikut bentuk yang tersedia dan akan dikemaskan menjadi bentuk seperti seekor cicak. Setelah Ganja siap, ia akan dipasang pada mata keris dan dikemaskan supaya tampak sepadan dan bersatu dengan mata keris.

4.2.3 Hulu dan sarung

Hulu keris mempunyai fungsi sebagai pemegang keris. Ukuran hulu adalah sepanjang 8cm hingga 10cm. Sarung pula merupakan bahagian yang menutupi mata keris. Ia juga bertindak melindungi pemakainya daripada luka apabila diselitkan di badan. Bagi bahagian hulu, Poksu Di menghasilkannya menggunakan kayu kemuning. Ia juga bergantung kepada pelanggan. Ada juga pelanggan yang membawa kayu pilihan mereka sendiri untuk dijadikan bahan untuk menghasilkan hulu dan sarung.

Bagi menghasilkan hulu, bongkah kayu terlebih dahulu akan dipotong kepada saiz yang lebih kecil untuk memudahkan kerja melukis. Sesuai dengan permintaan pelanggan, Poksu Di akan melukis bentuk yang diinginkan seperti Anak Ayam Teleng dan Jawa Demam. Setelah itu, beliau akan mengukir bentuk tersebut dan pada waktu yang sama saiz hulu perlu dipastikan betul sesuai ukuran yang telah ditetapkan. Lubang akan dikorek pada bahagian bawah hulu untuk disambungkan dengan mata keris. Hulu yang siap diukir dan dikorek lubang akan dikemaskan menggunakan kertas pasir untuk melicinkan dan mengemaskannya.


Berkenaan dengan sarung, pada bahagian sampirnya, Poksu Di tidak membelah kayu tersebut kepada dua sebaliknya hanya memotong kepada bentuk yang diingini dan akan menebuk lubang daripada kayu tersebut. Menurut beliau, teknik ini membuatkan Sampir tersebut lebih kukuh dan kuat. Bukan itu sahaja, pembuatan Sampir perlu dilakukan dengan teliti supaya lubang tersebut sama dan sepadan dengan Ganjar untuk kelihatan lebih kemas. Untuk menghasilkan Batang Serunai, pertama sekali beliau mengambil dua keping kayu dan melukis bentuk terlebih dahulu. Usai kayu dipotong mengikut bentuk, mata keris akan ditekap pada kayu dan lubang akan dihasilkan mengikut lukisan. Setelah dipastikan lubang tersebut bertepatan dengan mata keris, barulah kedua-dua kepingan kayu tersebut dicantumkan menggunakan gam dan dibiarkan kering selama lebih kurang satu jam.



Rajah 4.6: Proses membuat sampir

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)


Batang Serunai dan Sampir yang telah siap dicantumkan dan kemudian dikemaskan menggunakan kertas pasir dan penyembur cat jenis jernih untuk melicinkan permukaan dan menghasilkan kesan tampak alur kayu pada sarung dengan lebih jelas. Akhir sekali, Poksu Di akan mencantumkan mata keris pada hulu yang telah siap dkemaskan. Keris yang telah siap dipasang bersedia untuk diambil oleh pelanggan.



Rajah 4.7: Proses Membuat Batang Serunai

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)


Jadual 4.1: Ringkasan proses pembuatan keris oleh Poksu Di



4.3 Faktor generasi muda tidak tertarik dalam meneruskan warisan pembuatan keris

Dalam menghuraikan dan menganalisis objektif kedua kajian iaitu faktor generasi muda tidak tertarik dalam meneruskan warisan pembuatan keris, kaedah temubual telah dilakukan kepada beberapa orang responden. Kesemua mereka mempunyai latar belakang yang berbeza-beza supaya maklumbalas yang diberikan adalah berdasarkan daripada pemikiran yang berbeza. Antara kategori responden yang diambil termasuklah daripada pandai besi, pengunjung muzium dan juga orang awam. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa maklumbalas yang diperolehi adalah secara menyeluruh dan tidak terhad kepada satu kategori responden sahaja. Setelah dianalisis setiap jawapan yang diberikan oleh responden, pengkaji telah membuat ringkasan jawapan yang secara umumnya terbahagi kepada dua kategori iaitu tiada pendedahan dan tidak menjamin masa depan yang cerah.

Jadual 4.2: Peratus bagi kategori jawapan responden



Bagi kategori pertama iaitu kumpulan responden yang mengatakan bahawa tiada masa depan yang cerah menjadi faktor generasi muda tidak berminat dengan warisan pembuatan keris. Antara punca yang memungkinkan responden memberikan jawapan tersebut adalah kerana golongan muda kini dilihat lebih berminat dalam bidang pekerjaan yang melibatkan teknologi. Akibat daripada pembangunan teknologi yang pesat pada zaman sekarang, golongan muda menganggap bidang kerja yang melibatkan teknologi mampu menjamin masa depan yang lebih cerah. Hal ini menyebabkan mereka tidak mengambil tahu mengenai warisan-warisan Melayu tradisional termasuklah warisan pembuatan keris yang telah wujud di tanah Melayu sejak berabad lamanya.

Bukan itu sahaja, ada juga golongan generasi muda yang melihat bahawasanya warisan pembuatan keris ini tidak lagi penting dan sudah ketinggalan zaman. Mengambil kira juga hasil daripada warisan pembuatan keris tidak memberikan pulangan yang lumayan membuatkan generasi muda tiada keinginan

untuk meneruskan legasi tersebut. Hal ini menyebabkan semakin berkurang pandai besi akibat dimamah usia dan pada masa yang sama tiada penyambung legasi dalam warisan ini.

Selain itu juga, pandangan orang sekarang yang melihat bahawa keris sudah kurang fungsinya kepada masyarakat. Orang sekarang sudah tidak menggunakan keris sepertimana golongan dahulu menggunakannya. Ia disebabkan oleh suasana kehidupan sekarang yang menidakkannya penggunaan keris secara optimum dan menyeluruh. Generasi muda juga melihat keris hanya sebagai salah satu senjata tradisional tanpa menghayati nilai seni yang wujud bersama sebilah keris tersebut. Paling menyedihkan adalah ibubapa sendiri tidak memberikan sokongan kepada anak mereka. Ada dikalangan generasi muda yang berminat dalam meneruskan warisan ini tetapi minat tersebut dihalang oleh ibubapa mereka sendiri. Sebagai ibubapa, sudah tentulah mereka menginginkan yang terbaik buat masa depan anak mereka seterusnya menghalang minat tersebut kerana menganggap warisan pembuatan keris sebagai tidak mempunyai masa depan yang cerah.

Kategori jawapan yang kedua iaitu tiada pendedahan kepada gemerasi muda sehingga mereka tidak berminat terhadap warisan pembuatan keris adalah sebanyak 37.5%. Menurut responden yang ditemubual, tiada pendedahan yang meluas terhadap warisan pembuatan keris merupakan salah satu punca generasi muda tiada minat dalam warisan pembuatan keris. Umumnya, ramai golongan muda yang tidak mengetahui dan mengambil tahu mengenai keberadaan tempat pembuatan keris disebabkan pendedahan terhadap tempat pembuatan keris kurang dibincangkan. Bukan itu sahaja, kurang juga pendedahan terhadap warisan ini

termasuklah daripada tempat pembelajaran yang formal seperti sekolah dan universiti. Jika dilihat dengan mata kasar, di sekolah hampir tiada subjek yang menceritakan dan mendedahkan mengenai pembuatan keris dan sebagainya. Dari segi perspektif universiti pula, hanya beberapa buah universiti sahaja yang menawarkan kursus yang melibatkan pendedahan terhadap warisan melayu tradisional. Hal ini membuatkan ramai generasi muda yang tidak terbuka minda mereka dalam memartabatkan warisan bangsa sendiri.

Perkembangan teknologi yang pesat juga menjadi faktor terhadap kurangnya pendedahan terhadap golongan muda dalam warisan pembuatan keris. Permainan atas talian turut berkembang selari dengan perkembangan teknologi. Menariknya, permainan atas talian dapat diakses dengan mudah oleh semua golongan masyarakat. Hari demi hari, permainan atas talian semakin popular dan telah mendapat tempat dihati generasi muda. Minat terhadap pelajaran juga kian menurun sehingga ada pelajar yang sanggup mengabaikan pelajaran hanya kerana ingin menceburi bidang permainan atas talian. Sejak kecil mereka sudah obses dengan perkara tersebut sehingga mereka tidak dapat didedahkan dengan warisan pembuatan keris.

Bukan itu sahaja, tiada pendedahan maklumat yang tepat terhadap warisan pembuatan keris ini juga membuatkan generasi muda tidak berminat dan melupakan hasrat mereka. Umum mengetahui bahawa keris seringkali dikaitkan dengan perkara-perkara mistik yang hadir bersama keris itu sendiri. Hal ini berlaku disebabkan cerita orang-orang tua yang mengamalkan perkara mistik sehingga generasi muda takut untuk menceburi bidang ini. Tidak dapat dinafikan bahawa

pernyataan tersebut ada betulnya tetapi untuk menetapkan pemikiran bahawa semua keris itu mempunyai unsur mistik adalah hasil daripada pendedahan maklumat yang salah. Hakikatnya sekarang, ramai pandai besi sudah tidak mengamalkan kepercayan begitu dan hanya membuat keris atas dasar minat yang mendalam dan berusaha untuk meneruskan warisan kebanggaan bangsa Melayu supaya tidak hilang ditelan arus permodenan.



BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai kajian yang telah dianalisis dalam bentuk ringkasan. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan merumuskan dan membuat kesimpulan mengenai dapatan hasil daripada analisis dua objektif yang dikaji. Perbincangan yang dilakukan pada bahagian ini merupakan penanda aras dan ukuran terhadap keberkesanan terhadap maklumat yang diperolehi sepanjang proses kajian dilakukan. Bukan itu sahaja, ruangan ini akan menjadi platform dimana pengkaji akan mengemukakan pandangan, pendapat dan idea yang dilihat dapat membantu proses penyelidikan yang mungkin dilakukan oleh pengkaji lain pada masa hadapan dengan menambahbaik kajian yang sedia ada. Kajian ini juga diharap dapat memberikan manfaat serta memudahkan penyelidik pada masa akan datang.

5.2 Perbincangan Dalam Dapatan Kajian

Di ruangan ini, pengkaji akan menghurai serta membuat rumusan terhadap kedua-dua objektif terhadap kajian yang bertajuk ‘Usaha meneruskan warisan pembuatan keris di Pengkalan Nangka, Besut’. perbincangan mengenai dapatan

kajian adalah berdasarkan analisa data yang diperolehi setelah kedua-dua objektif kajian dianalisis pada bahagian bab 4 sebelum ini.

5.2.1 Proses-Proses dalam Pembuatan Keris Yang Digunakan Oleh Tukang Pandai Besi di Pengkalan Nangka, Besut, Terengganu.

Setelah kajian dilakukan terhadap objektif dan persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat menghuraikan secara terperinci mengenai proses-proses pembuatan keris yang digunakan oleh seorang pandai besi di Pengkalan Nangka, Besut yang dikenali sebagai Poksu Di. Secara ringkasnya, proses utama dalam menyiapkan keris terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian dalam menyiapkan mata keris, hulu keris dan juga sarung keris. Tidak semua pandai keris yang menghasilkan keris mampu untuk membuat sarung dan hulu keris sekali. Itulah keunikan yang ada pada Poksu Di kerana beliau bukan sahaja menempa mata keris tetapi beliau juga menghasilkan sendiri hulu dan juga sarung keris. Proses pertama dalam menghasilkan keris ialah dengan menghasilkan mata keris yang berkualiti. Semasa proses inilah, pandai besi akan mengukur dan menempa besi mengikut saiz yang diperlukan. Setelah siap mata keris, sebongkah kayu akan dipotong menjadi lebih kecil untuk memudahkan proses membuat hulu keris. Ringkasnya, bongkah yang telah dipotong akan dilukis kepada motif yang diinginkan dan diukir. Setelah siap, hulu keris akan dikemaskan menggunakan kertas pasir dan penyembur cat jenis jernih. Seterusnya dalam menghasilkan sarung keris pula, Poksu Di akan menggunakan dua keping kayu untuk dicantumkan membentuk sarungnya. Seperti proses membuat hulu juga, setelah selesai dicantumkan, sarung akan dikemaskan menggunakan kertas pasir dan disembur dengan cat jernih.

5.2.2 Faktor Generasi Muda tidak Berminat Dalam Meneruskan Warisan Pembuatan keris.

Berdasarkan analisis daripada data yang diperoleh hasil daripada temubual yang dijalankan, pengkaji telah menbahagikan punca tersebut kepada dua kategori utama. Punca pertama adalah disebabkan tiada pendedahan yang meluas terhadap warisan pembuatan keris. Jika dilihat daripada kehidupan seharian, golongan muda khususnya lebih terdedah kepada permainan atas talian dan sebagainya. Bukan itu sahaja, di kaca televisyen, amat kurang program mahupan rancangan yang mendedahkan mengenai warisan ini walhal ia merupakan antara medium yang paling berpengaruh dalam menyampaikan apa-apa maklumat kepada umum. Bukan itu sahaja, penceritaan mengenai keris sangat sinonim dengan unsur mistik. Ini kerana cerita rakyat yang disampaikan dari mulut ke mulut masyarakat tanpa memeriksa mengenai kesahihan cerita tersebut. Inilah stigma yang akan terus kekal bersama-sama sebilah sekiranya pendedahan mengenai kebenaran itu tidak disampaikan dengan baik dan tepat.

Kategori kedua yang telah dianalisis ialah pandangan masyarakat yang menganggap bahawa menjadi pandai besi tidak mempunyai masa depan yang cerah. Seiring dengan perkembangan teknologi, generasi muda sekarang lebih berminat untuk menceburkan diri dalam bidang yang melibatkan teknologi kerana dikatakan mempunyai gaji tetap dan lebih besar. Bukan itu sahaja, setelah mengambil kira masa yang panjang untuk mempelajari bidang ini, generasi muda beranggapan bahawa ia hanya merugikan masa mereka. Dorongan dan sokongan daripada

ibubapa juga merupakan salah satu faktor generasi muda tidak berminat. Ibubapa mahukan kerja yang lebih menjamin masa depan anak mereka.

5.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil daripada perbincangan ini mendapati bahawa kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian mengenai warisan pembuatan keris telah menjawab kedua-dua obektif yang dikemukakan. Melalui temubual bersama pembuat keris iaitu Poksu Di sendiri bersama beberapa informen yang lain, kaedah ini dilihat sangat membantu pengkaji dalam mengumpul maklumat bagi mencapai kedua-dua objektif yang telah dikemukakan.

Pandai keris yang telah ditemubual sangat membantu dalam memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat sekaligus membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Pengalaman ke tapak kajian juga membantu memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai proses-proses yang digunakan dalam pembuatan keris. Ia juga membantu pengkaji dalam mendapatkan foto dan membuat catatan yang amat penting dalam kajian ini. Dapat dirumuskan bahawa analisis kajian yang diterangkan di dalam bab 4 telah melengkapkan objektif kajian ini.

5.4 Cadangan

Keris merupakan salah satu warisan bangsa Melayu yang telah wujud berabad lamanya. Akan terjadi satu kehilangan yang amat besar sekiranya warisan ini tidak dijaga dan diturunkan kepada generasi muda dan dibiarkan pupus begitu sahaja. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan idea oleh pengkaji dalam melindungi warisan pembuatan keris di tanah Melayu ini. Antaranya ialah:

I. Mengkaji banyak jenis Keris

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji melihat terdapat beberapa kepincangan terhadap kajian yang dijalankan. Antara cadangan yang dapat digunakan untuk membetulkan kepincangan tersebut adalah dengan mengkaji proses pembuatan jenis keris yang lain juga. Ini kerana, terdapat perbezaan dalam menghasilkan keris yang berbeza.

II. Menemubual lebih ramai pandai besi.

Setiap pandai besi mempunyai teknik yang berbeza dalam menghasilkan sebilah keris. Oleh itu, dengan menemubual lebih ramai pandai besi, ia akan membuka mata pengkaji dan pembaca mengenai variasi dan perbezaan dalam menghasilkan sebilah keris yang ditempa oleh pandai besi yang berbeza.

5.5 Penutup

Kesimpulannya, keris merupakan salah satu warisan budaya bangsa Melayu yang diibaratkan sebagai permata yang amat bernilai. Akan berlaku kerugian kepada sejarah peradaban bangsa Melayu sekiranya warisan keris serta pembuatannya hilang begitu sahaja. Ia juga melambangkan jati diri orang Melayu yang kini kian hilang. Dengan adanya kajian ini, diharapkan banyak pihak yang mempunyai kuasa untuk mempertahankan warisan ini. Usaha yang lebih agresif daripada pihak berwajib perlu dilakukan segera memandangkan kini jumlah pandai besi di Malaysia semakin berkurang. Diharapkan juga warisan pembuatan keris ini tidak akan pernah pupus supaya generasi akan datang masih mampu untuk melihat dan mempelajari mengenai warisan ini.

UNIVERSITI
KELANTAN

RUJUKAN

- Abdullah, S. (2008). Manifestasi Keris Dalam Masyarakat Melayu Antara Kebudayaan Dan Agama.
- Jusoh, M. R. (2021, 12 12). Proses-proses Pembuatan Keris . (M. S. Zamri, Interviewer)
- Khamis Mohammad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Abdul Latif Samian,. (2012). Keris : Artifak Kejuruteraan Spiritual Melayu..
- Mohd, K. (2017). Keris: Perspektif Falsafah, Kejuruteraan dan Kemistikian .
- Yub, S. (1967). Keris dan Senjata-Senjata Pendek, . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusoff, M. Y. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana Di Malaysia.
- Ahmad, A. M. (2015). *Keris Semenanjung Melayu "Suatu Pengenalan"*. Universiti Putra Malaysia.
- Aziz, M. K. (2018). Aplikasi Seni Khat dan Jawi Dalam Keris.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN